


KURSUS PEDAGOGI PEMBESTARIAN SEKOLAH 2006 - 2010



*MODUL
KEMAHIRAN MENGAKSES MAKLUMAT
MELALUI INTERNET*



PUSAT SUMBER PENDIDIKAN
NEGERI KELANTAN

MODUL KEMAHIRAN AKSES MAKLUMAT MELALUI INTERNET

A. Pengenalan Kepada Internet


1. Apa itu Internet.
 - a. Internet ialah jaringan komputer diseluruh dunia yang dibentuk daripada beberapa jaringan kecil komputer.
 - b. Rangkaian antarabangsa ini menggabungkan lebih kurang 11,000 rangkaian kecil seluruh dunia.
 - c. Tujuan Asas ialah untuk berkonsi maklumat, penyelidikan antara universiti dan industri, e-mel, perbincangan serat berita.
 - d. Internet wujud sekitar 1960 an dalam bidang ketenteraan.
2. Kegiatan-Kegiatan utama internet.
 - a. Mengirim dan menerima e-mel.
 - b. Membaca mesej
 - c. Melayari WWW-world wide web
3. Aktiviti Yang menarik minat pengguna internet.
 - a. Browsing/melayari
 - b. Download/ muat turun/ penerimaan – teks / grafik
 - c. Chat / chatting / berbual secara maya
 - d. E-mel
4. Bagaimana internet berfungsi. Terdapat tiga jenis rangkaian iaitu:
 - LAN – local area network / rangkaian kawasan setempat merangkumi makmal, pejabat atau kampus.
 - MAN – Metropolitan Area Network / Rangkaian Kawasan Metropolitan/bandar
 - WAN – Wide Area Network / rangkaian kawasan luas yang menghubungkan tempat yang jauh
5. Jalinan hubungan melalui internet adalah antara manusia dengan manusia terutama untuk mendapatkan maklumat, fail dan pelbagai perkhidmatan.
6. Keperluan asas Mengakses Internet:
 - Komputer
 - Modem
 - Talian telefon
 - Pembekal Perkhidmatan (ISP) – JARING DAN TELEKOM – TMNET, Streamyx
7. Kemudahan Perkhidmatan internet di sekolah
 - Dial Up
 - Schoolnet

8. Terdapat tiga komponen komunikasi dalam internet iaitu: Manusia, Aplikasi, dan perkakasan. Hubungan tersebut adalah seperti berikut:
- Manusia dengan manusia – melalui mel elektronik, sembang siber, VoIP (Voice Over Internet Protocol).
 - Manusia dengan aplikasi – capaian pangkalan data,
 - Manusia dengan perkakasan – cap jari elektronik (kawalan keselamatan).
 - Aplikasi dengan aplikasi – urusanniaga menggunakan kad kredit, internet banking.
 - Aplikasi dengan perkakasan – kad pintar / smart card , smart tag, touch n'go.
 - Perkakasan dengan perkakasan – penyimpanan data seperti harddisk, CD, handy drive.

B. PANDUAN MENGAKSES MAKLUMAT MELALUI INTERNET

1.7 Mengenai jendela browser Internet Explorer (IE)

Jendela browser Internet Explorer memaparkan sebuah hompej, laman yang anda lihat setiap kali anda memulakan Internet Explorer. Biasanya, sekiranya anda menggunakan Internet Explorer pada kali pertama, hompej yang dipaparkan telah pun disediakan untuk anda. Salah satu hompej yang biasa digunakan adalah hompej msn.com (<http://www.msn.com/>). Walaubagaimana pun, laman hompej untuk Internet Explorer anda dapat di ubah kepada laman hompej yang anda sukai. Hompej PSPN KELANTAN users ialah <http://www.pspnkel.edu.my>. Dalam contoh yang berikut, laman permulaan telah diset ke <http://www.pspnkel.edu.my>. Untuk berbuat demikian, rujuk ke seksyen 1.12, Menukar seting Laman 'Default' .



Rajah 1.1

Asas kepada penggunaan internet terdiri daripada dua jenis perisian :

1.1.1 Pelayar (Browser)

- Internet Explorer
- Netscape Navigator

1.1.2 Enjin Pencari (Search Engine)

Untuk mencari maklumat atau bahan melalui internet, anda perlu menggunakan enjin carian (search engine). Antara enjin pencari yang boleh digunakan adalah:

- Google.com
- Google.com.my
- Yahoo.com
- Yahoo.com.my
- AltaVista
- Excite
- Infoseek
- Lycos
- Magellan

1.7 Apa itu URL?

Seperti alamat biasa, URL (Uniform Resource Locator) memberitahu Internet Explorer di mana untuk mencari laman tersebut (alamat WWW Internet). URL untuk laman web PSPN Kelantan ialah <http://www.pspnkel.edu.my>, Setiap rangkaian komputer dan individu dalam internet mempunyai alamat tersendiri. Semua fail dikenalpasti oleh Pengesah Sumber Tetap (URL). URL menunjukkan kepada pengguna sesuatu fail berada dan apakah pengenalannya serta apakah kaedah yang digunakan untuk mendapatkan fail tersebut.


1.7 Jaringan Melalui Internet Explorer

Melalui tingkap Internet Explorer, anda boleh berhubung terus ke klien mel anda, ini termasuklah mengarang atau membaca mesej/mel, dan menghantar 'Link' (URL) atau 'Page' yang sedang anda lihat.

Langkah 1: Lancarkan Internet Explorer (IE).

Langkah 2: Klik butang  yang terdapat di 'Standard Buttons' Internet Explorer anda dan senarai menu akan kelihatan, lihat rajah dibawah

MODUL KEMAHIRAN MENGAKSES MAKLUMAT MELALUI INTERNET
KURSUS PEDAGOGI PEMBESTARIAN SEKOLAH : 2006 - 2010



Rajah 1.2

Nota: Sebelum menggunakan komponen-komponen untuk perkhidmatan internet ini, anda hendaklah membuat konfigurasi untuk 'Windows' terlebih dahulu (rujuk bahagian 1.4 untuk maklumat lanjut)

1.7 Konfigurasi 'Windows' untuk Perkhidmatan Internet

Langkah 1: Klik menu **Tools** di toolbars Internet explorer. Kemudian pilih **Internet Options**, dan tingkap dibawah akan kelihatan.



Rajah 1.3

Langkah 2: Pergi ke tag **Programs** dan pilihlah program yang bersesuaian atau yang anda kehendaki.

1.7 Melihat laman-laman lain

Untuk melihat laman yang lain,

- Klik pautan (link) dalam sebuah laman (juga dipanggil 'hyperlink'), atau
- Taip URL dalam bahagian 'Address Bar'.

Contoh-contoh laman pilihan:

- Kementerian Pelajaran Malaysia (<http://www.moe.gov.my>)
- Kementerian Pengajian Tinggi (<http://www.mohe.gov.my>)
- Jabatan Perdana Menteri (<http://www.jpm.gov.my>)
- Perbendaharaan Malaysia (<http://www.treasury.gov.my>)
- Jabata Perkhidmatan Awam (<http://www.jpa.gov.my>)
- Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (<http://www.spp.gov.my>)
- Bahagian Teknologi Pendidikan Malaysia (<http://www.moe.edu.my>)
- PSPN Kelantan (<http://www.pspnkel.edu.my>)
- SMK Dato' Ahmad Maher (<http://smartmaher.kelantan.edu.my>)
- SK To'Uban (<http://sktupm.kelantan.edu.my/>)
- Utusan (<http://www.utusan.com.my/>)

1.6 Membuat penandaan laman

Seperti juga Netscape, Internet Explorer juga membolehkan anda membuat penanda laman kegemaran anda (atau juga dikenali sebagai Favorites didalam istilah IE). Penanda laman menyediakan cara yang tetap untuk anda menandakan laman-laman yang ada sering lawati atau gemari. Tidak seperti senarai sejarah (history list), yang boleh dibuang apabila anda menutup program Internet Explorer, senarai laman-laman akan sentiasa berada dalam penanda laman sehingga anda menghapuskannya.

1.7 Kaedah menanda laman

Langkah 1: Pergi ke laman yang anda ingin tandakan.

Langkah 2: Klik butang **Favorites** dan pilih Add to Favorites untuk memaparkan menu favorites.(seperti rajah 1.4)

Langkah 3: Pilih folder yang anda ingin gunakan untuk menyimpan laman kegemaran anda tersebut dan klik butang **OK**



Rajah 1.4

1.8 Kembali ke laman menggunakan penanda laman

Dari senarai kegemaran (Favorites), pilih penanda laman bagi laman yang anda ingin lawati.

1.9 Menguruskan penanda laman ke dalam folder

Apabila senarai laman kegemaran anda bertambah, anda boleh menyimpannya di dalam folder agar lebih teratur. Anda mungkin mahu menyusunnya mengikut topik. Sebagai contoh, anda mungkin mahu menyimpan semua maklumat yang berkenaan dengan portal pendidikan utusan, didik, dan sebagainya didalam sebuah folder yang mungkin anda namakan sebagai Portal.

Langkah 1: Dari toolbars Internet Explorer, klik butang **Favorites** dan pilih **Organize Favorites**.

Langkah 2: Jendela Favorite akan memaparkan senarai penanda-penanda serta folder-folder penanda, disusun seperti fail-fail dan folder-folder dalam cakera keras anda. Nama penanda-penanda tersebut adalah sama dengan apa yang dapat dilihat melalui menu Favorites, kecuali jendela Favorites menyediakan lebih banyak arahan untuk menguruskan penanda laman anda.

1.10 Melihat laman secara 'Offline'

Apabila anda menjadikan sesebuah laman itu dapat dilawati biarpun sewaktu anda 'Offline', ianya membolehkan anda membaca/melihat isi kandungan laman tersebut walaupun anda tidak bersambung secara terus ke Internet. Ianya bergantung kepada anda seperti berapa banyak kandungan laman yang anda inginkan, dan bagaimana cara untuk mengemaskini laman tersebut ke dalam komputer anda. Sekiranya anda hanya ingin melawat laman tersebut secara 'offline' tanpa perlu mengemaskinikannya, anda hanya perlu menyimpan laman tersebut didalam komputer anda. Terdapat beberapa cara untuk menyimpan sesebuah laman tersebut bergantung kepada apa yang anda inginkan.

1.10.1 Menjadikan laman yang sedang dilawati dapat dilihat secara 'Offline'

Langkah 1: Didalam menu **Favorites**, klik **Add to Favorites**.

Langkah 2: Sila coret (tick) **Make available offline**.

Nota: Untuk menentukan secara terperinci berapa banyak kandungan bagi sesebuah laman yang anda ingin simpan, sila klik **Customize** dan ikutlah arahan yang tertera di skrin anda.

1.10.2 Menjadikan laman kegemaran yang sedia ada dapat dilihat secara "Offline"

Langkah 1: Dalam menu **Favorites**, klik **Organize Favorites**.

Langkah 2: Klik laman yang anda inginkan

Langkah 3: Kemudian pilih dan coret (tick) kotak **Make available offline**.

Langkah 4: Untuk menentukan secara terperinci berapa banyak kandungan bagi sesebuah laman yang anda ingin simpan, sila klik **Properties**.

Nota: Sebelum 'offline' sila pastikan anda mempunyai versi laman yang terbaru dengan menekan menu **Tools** dan klik **Synchronize**.

Anda boleh juga melihat sesuatu laman secara 'Offline' tanpa perlu menambahnya didalam senarai 'Favorites', apa yang perlu anda lakukan hanyalah menyimpan laman tersebut didalam komputer anda (sila rujuk seksyen 1.10.3 untuk maklumat lanjut).

1.10.3 Menyimpan laman didalam Komputer

Langkah 1: Didalam menu **File**, klik butang **Save as**

Langkah 2: Klik dua kali folder yang anda ingin gunakan untuk menyimpan laman tersebut.

Langkah 3: Didalam kota **File name**, taip nama untuk laman tersebut.

Langkah 4: Dalam kotak **Save as type**, pilih jenis fail.

Langkah 5: Kemudian sila pilih satu diantara langkah berikut:

- Untuk menyimpan semua fail-fail yang diperlukan untuk memaparkan laman tersebut, termasuk grafik, rangka, dan jenis lembaran, klik **Web Page, complete**. Pilihan ini menjadikan setiap fail di simpan didalam format asal.
- Untuk menyimpan semua maklumat yang diperlukan untuk memaparkan laman tersebut didalam satu fail "MIME-encoded", klik **Web Archive**. Cara ini akan menyimpan snapshot untuk laman yang sedang dilawati. Anda hanya dapat memilih langkah ini sekiranya anda sudah memasang Outlook Express 5 atau seterusnya.
- Untuk menyimpan laman HTML yang anda lawati sekarang, klik **Web Page, HTML only**. Cara ini akan menyimpan maklumat didalam laman jaringan, tetapi ianya tidak akan menyimpan grafik, bunyi, atau fail jenis lain.
- Untuk menyimpan teks sahaja untuk laman yang anda sedang lawati sekarang, klik **Text Only**. Cara ini akan menyimpan laman tersebut didalam format saves the information on the Web page in straight text format.

1.11 Menukar seting laman 'default'

Setiap kali anda memulakan Internet Explorer, laman 'default' akan dimuat-turunkan secara automatik oleh browser. Anda boleh menukar seting untuk menjadikan laman kegemaran anda sebagai laman 'default'.

Langkah 1: Pergi ke laman yang anda ingin jadikan sebagai laman default atau hompej.

Untuk PSPN Kelantan, disyorkan supaya anda pergi ke <http://www.pspnkel.edu.my>.

Langkah 2: Dari menu **Tools**, pilih **Internet Options**.

Langkah 3: Sila taip URL laman kegemaran anda didalam kotak **Address** (lihat rajah 1.3)

Langkah 4: Kemudian klik butang *Use Default*

1.12 Mencetak laman

Langkah 1: Pergi ke laman yang anda ingin cetak.

Langkah 2: Dari menu **File** pilih **Print** atau klik butang Print  di 'Standard Buttons' bar.

Langkah 3: Klik butang **Print** setelah tingkap 'Print' kelihatan.